

Headline	Bengkel Usahawan Kambing Bermula Esok		
Date	13. Jun 2008	Language	MALAY
Media Title	Utusan Malaysia	Page No	4
Section	Supplement	Article Size	543 cm²
Circulation	238082	Frequency	Daily
Readership	833287	Color	Full Color



PESERTA akan menjalani latihan secara praktikal di ladang transit Perfect Agro Sdn. Bhd. dan milik dan ladang Hamidon Tambi di Sepang, Selangor.

Bengkel usahawan kambing bermula esok

BENGKEL Usahawan Kambing Mega-Utusan dengan rakan strategiknya, Perfect Agro, AgroBank dan Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional (APEEC), Universiti Putra Malaysia (UM) akan bermula esok selama dua hari.

Bengkel yang diadakan di Homestay Banghuris, Sepang itu agak unik kerana peserta perlu menginap dengan keluarga angkat bagi memudahkan



mereka menghadiri setiap sesi tanpa sebarang masalah.

Bengkel ternakan kambing ini merupakan sebahagian daripada usaha



PETA untuk ke tempat bengkel.

Utusan Malaysia melalui sisipan *Mega* untuk melahirkan lebih ramai usahawan tani yang berwibawa.

Penganjur bagaimanapun meminta peserta yang telah membuat pembayaran supaya melaporkan diri seawal pukul 8.30 pagi esok bagi urusan pendaftaran dan penyerahan kepada keluarga angkat masing-masing serta menyertai acara perasmian yang telah diaturkan.

Perasmian bengkel dijangka dilakukan oleh Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr. Aziz Jamaludin.

Mereka juga diminta menyediakan pakaian yang secukupnya dan bersesuaian selama tempoh dua hari ke kawasan perternakan dan di dalam dewan.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi urus setia: Faris 012-3417112, Rosli 012-2846811 dan Sopian 017-8725716.